

Recent Malay Books from Malaysia – April 2023

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883-2284/6883-2204
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Anthropology/Archaeology

Penyelidikan Terkini Nisan Aceh di Selangor / Intan Salina Idrus
Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2015
144p. ; Color Photographs ; 26cm.
9789832563082

1. Tombs – Research – Selangor.
2. Sepulchral monuments – Research – Selangor.

\$ 90.00 / HB
1012gm.

Buku ini membincangkan mengenai batu nisan Aceh yang telah ditemukan di Selangor pada tahun 2006. Penemuan batu nisan Aceh di Selangor adalah hasil daripada kerja-kerja survei dan juga ekskavasi arkeologi yang telah dijalankan secara sistematik di tapak kampung Lubuk Jaya Kuala Selangor.

Taburan penemuan batu nisan Aceh di Selangor terdapat di daerah Kuala Selangor, Batu Tiga, Shah Alam, Petaling dan Puchong. Keseluruhan jumpaan batu nisan Aceh di Selangor sehingga buku ini diterbitkan adalah sebanyak 53 unit. Melalui bukti dan artifak yang ditemukan, ternyata telah adanya hubungan sosio budaya yang terjalin antara Kesultanan Selangor dan Aceh di Selangor. Tinggalan warisan budaya batu nisan Aceh di Selangor memberikan bukti kesamaan warisan budaya, khususnya dari sudut seni rupa dan betapa mesranya pemikiran dan estetika seni budaya dalam kedua- dua rumpun Melayu ini.

Kekuatan isi dalam buku ini terletak pada kesahihan sumber yang digunakan, lengkap dengan gambar bagi memudahkan pembaca memahami tentang perkara yang dibincangkan. Penerbitan buku ini akan memberikan sumbangan yang besar dalam penyelidikan batu nisan Aceh di Malaysia.
<http://www.marymartin.com/web?pid=848587>

Art

Kebaya Selangor / Rohayu Mohd Yunus
Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2015
136p.
Includes Index ; Bibliography
9789832563075

1. Ethnic costume – Selangor – History.
2. Malays – Clothing– Selangor.
3. Tailoring – Pattern design.

\$ 90.00 / HB
970gm.

Kebaya labuh atau juga disebut baju belah panjang merupakan antara busana Melayu agung yang wujud sejak Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun ia adalah hasil asimilasi dari pengaruh luar, namun pereka busana ketika itu bijak mengolah hingga lahirnya kebaya yang menjadi identiti dan kebanggaan wanita Melayu. Buku ini menghimpunkan variasi kebaya labuh dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia yang dilihat popular pemakaiannya di Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Melaka dan Johor. Terbahagi kepada lima bab merangkumi aspek sejarah awal pakaian Melayu, perkembangan kebaya labuh di Selangor dalam kalangan raja, pembesar, rakyat dan Orang Asli (Orang Asal). Perbandingan kebaya labuh di Selangor dan negeri lain di Semenanjung Malaysia serta pelengkap kepada busana yang menjadi sinonim buat wanita juga, turut dikupas dalam dua bab terakhir. Turut dimuatkan bab untuk mereka yang berminat mencuba cara-cara menjahit baju kebaya Selangor mengikut potongan tradisi.

Buat pembaca yang mencintai, mengagumi keindahan, kehalusan tenunan serta menghargai nilai estetika artifak sejarah, hayatilah foto-foto yang pastinya mempesona dan mampu mengimbau nostalgia buat anda yang pernah melaluinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848588>

Warisan Telepuk Alam Melayu / Intan Salina Idrus

Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2018
134p. ; Color Photographs, 26cm.

Includes Index; Bibliography

9789832563129

1. Textile fabrics, Ancient.
2. Textile fabrics – Themes, motives.
3. Textile design.

\$ 90.00 / HB

996gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848589>

Kesenian Telepuk Warisan Alam Melayu Selangor / Intan Salina Idrus

Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2015
146p.

Includes Index ; Bibliography

9789832563068

1. Textile fabrics – Selangor.
2. Textile design – Selangor.

\$ 100.00 / HB

1032gm.

Keindahan kesenian warisan menelepuk pada lembaran kain kain dewangga di Selangor garapan Intan Salina Idrus terungkuai indah di dalam buku Kesenian Telepuk Warisan Melayu Selangor. Beliau telah mengambil daya usaha untuk membongkar ilham dan daya kreativiti masyarakat lampau tidak hanya menghasilkan kain-kain dewangga malah mempunyai kreativiti tersendiri dalam menghias kain terutama pada lembaran kain-kain Bugis yang ditunen halus, padat serta digerus.

Minatnya untuk menelusuri kesenian telepuk di Selangor ini bagai lautan tidak bertepi. Buku ini telah memacarkan pengalaman beliau dalam membuktikan pemakaian tekstil telepuk di Selangor dengan dimulai dengan pemakaian telepuk sejak zaman sultan Salehuddin sultan Selangor pertama.

Penemuannya di Daik Lingga Riau dari liuk-lintuk ukiran nama Raja Penuh iaitu anakanda kepada Sultan Salehuddin di sarang atau cop telepuk telah memberinya nafas untuk meneruskan pembuktian kesenian dan pemakaian telepuk pada kesultanan Selangor adalah bersinambungan. Lalu beliau mengambil daya usaha menghimpun dan mengumpulkan maklumat mengenai telepuk di Selangor melalui teks-teks Melayu lama dan pelbagai bahan bacaan. Buku ini juga telah

memancarkan keindahan kain dewangga bertelepek dan juga kehalusan dan keindahan ukiran cop telepek yang halus di ukir dan di tekapkan pada lembaran-lembaran kain tradisi yang telah di gerus.

Harapan pengarang adalah semoga himpunan tekstil telepek yang tidak ternilai ini dapat terus dipelihara dan dijadikan sebagai satu identiti tekstil negeri Selangor.

<http://www.marymartin.com/web?pid=841666>

Sulaman Kelingkan Melayu / Mohd Subli Musa

Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2015

136p. ; Color Photographs ; 26cm.

Includes Index ; Bibliography

9789832563051

1. Embroidery – Technique.
2. Ethnic embroidery.

\$ 90.00 / HB

968gm.

Buku Sulaman Kelingkan Melayu ini memfokuskan kepada perkembangan seni sulaman kelingkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Fokus perkembangan seni sulaman kelingkan ini dibahagikan kepada tiga, iaitu Semenanjung Malaysia, di Kepulauan Borneo dan di Kepulauan Indonesia. Melalui kajian dan pengamatan yang dilakukan, buku ini mengupas perkembangan, perubahan, perbezaan dan kaitan yang terdapat antara Semenanjung Malaysia, Kepulauan Borneo dan Kepulauan Indonesia.

Istilah negara serumpun itu menjelaskan bahawa perkongsian budaya itu sangat rapat dan erat.

Dalam kajian yang dilakukan, menunjukkan bahawa memang terdapat persamaan penghasilan seni sulaman kelingkan ini antara Semenanjung Malaysia, Kepulauan Borneo dan Kepulauan Indonesia, namun begitu, kreativiti yang ada dalam diri manusia dan masyarakat itu telah menghasilkan kepelbagaian penghasilan seni sulaman kelingkan. Kepelbagaian yang dimaksudkan ialah berkaitan corak dan teknik sulaman kelingkan serta cara dan gaya penghasilannya.

Di sini kita akan dapat melihat bagaimana seni sulaman kelingkan di Selangor yang telah bermula di istana semasa zaman Tengku Ampuan Jemaah ternyata mempunyai perbezaan daripada teknik penghasilannya serta motif dan corak sulaman kelingkan itu sendiri. Ternyata perbezaan ini dilihat agak unik dan inilah yang akhirnya nanti akan diklasifikasikan sebagai seni sulaman kelingkan Selangor.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848590>

Permainan Wau Kapal / Abdullah Anas Abu Bakar

Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2015

176p.

Includes Index ; Bibliography

9789832563099

1. Kites – Malaysia.
2. Games – Malaysia.

\$ 75.00 / HB

1162gm.

Permainan wau adalah salah satu daripada permainan tradisional yang terdapat di negara Malaysia dan Wau Kapal adalah wau tradisional negeri Selangor yang dikategorikan sebagai antara wau tradisional Melayu yang unik. Permainan wau yang popular dimainkan oleh orang Melayu terutama dikalangan para petani dan nelayan bukan sahaja bagi tujuan keseronokan dan mengisi masa lapang, namun mempunyai falsafah dan tujuan tertentu dalam amalan cara hidup masyarakat terdahulu. Permainan Wau Kapal yang telah mula dimainkan sejak tahun 1850an turut bertujuan bagi menentukan arah angin dan lokasi kapal nelayan yang berlayar di lautan antara ilmu ikhtiar

hidup yang penting bagi tatapan generasi kini. Selain itu, keunikan yang terdapat pada Wau Kapal adalah pada konsep rekabentuknya iaitu satu-satunya wau tradisi Melayu yang menggunakan unsur buatan manusia iaitu kapal dan terdapat juga unsur-unsur flora seperti bunga tanjung dan motif kosmologi seperti ombak air dan tali air pada hiasan Wau Kapal. Motif-motif lain yang terdapat pada Wau Kapal ialah Bunga Padi (bahagian kepala), Sauh dan Pelampung (bahagian ekor). Permainan Wau Kapal juga merupakan salah satu warisan watan negeri Selangor yang penting dan sekali gus sangat perlu dipulihara (conserve) dan dipelihara (preserve) kerana ia merupakan salah satu lambang jati diri Melayu negeri ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848591>

Biography/Memoirs

Bersama Anwar Ke Penjara / Kamarazaman Yacob (Ed) Jessica Ong Hai Liaw
Petaling Jaya: IKK Sdn Bhd, 2023
232p.

Includes Index
9786299772101
\$ 20.00 / PB
302gm.

Suara dan pidato terus melewati tembok penjara. Suara dan pidatonya menujuh awan. Suara dan pidatonya terus meledak di tengah kota dan bertempias ke penjuru desa. Musuh-musuh menjadi kecut semasa jaga dan mengigau semasa lena. Suara berada di mana-mana. Sebagai pemimpin, lebih teruji. Dia sebagai besi yang tak akan berkarat biarpun terendam ke dalam air. Keilmuan yang membalut tubuhnya persis minyak yang akan menguak jauh air yang menerpa ke arahnya. Itulah keistimewaan, seorang pemimpin di penjara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848592>

Cookbook

Nasi Ambeng Selangor: Makanan Warisan Negeri
Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
1v.
\$ 30.00/ PB
54gm.

Nasi Ambeng merupakan juadah tradisional masyarakat Melayu daripada etnik Jawa yang dipercayai dibawa dari Tanah Jawa melalui proses migrasi manusia dengan mengekalkan adat budaya leluhur mereka bersama. Nasi Ambeng tercipta hasil dari gabungan beberapa juadah yang dihidangkan di dalam sebuah dulang atau talam besar yang dilapik dengan daun pisang. Juadah ini dilengkapi nasi putih berserta lauk-pauk aslinya seperti ayam masak semur (kicap), sambal goreng, serunding kelapa, mi goreng, ikan masin bulu ayam yang telah digoreng dan rempeyek kacang sebagai tambahan dalam hidangan nasi ambeng. Namun adakalanya lauk utama ini telah di gantikan dengan ayam masak ungkep dan kini terdapat juga versi ayam goreng dan ayam masak merah, bergantung kepada kemampuan dan penyediaan tuan rumah dalam menyantuni tetamunya.

Nasi Ambeng bukanlah dikategorikan sebagai makanan harian tetapi lebih disajikan dalam majlis-majlis tertentu seperti rawang, tahlil dan doa selamat mengikut takwim masyarakat Jawi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848593>

Economics

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor: Tarian Piring Selangor / Mohd Lotfi Nazar Shah Alam, Selangor: Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, 2018
xxiv, 288p.
Includes Index
9789832563112
\$ 100.00 / HB
1538gm.

Tarian Piring Selangor merupakan suatu bentuk kesenian tradisional yang telah disesuaikan mengikut corak kehidupan masyarakat setempat dan diterima sebagai warisan rakyat Selangor. Kandungan buku ini disusun dan diperkemas secara analisa perbandingan dengan lain-lain tarian yang mempunyai persamaan dengan tarian piring yang diamalkan di negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan, Terangganu, Pahang, Perak serta di daerah Sumatera Barat, Indonesia. Aspek penulisan yang dimasukkan adalah berkaitan gerak tarian, sebutan pergerakan tarian, pakaian, peralatan muzik penggunaan pantun, jenis dan jumlah lagu tradisi yang dipersembahkan. Penulis juga banyak menyentuh aspek tamadun Melayu, sejarah, perkembangan dan persembahan tarian piring di Alam Melayu, pergerakan asas dalam tarian, unsur-unsur spiritual yang berkisar dengan tarian selain urutan peristiwa berkaitan adat merantau dan meneroka serta hubungan antara Selangor dan Sumatera (Minangkabau). Beberapa persoalan dan huraian yang menarik perhatian penulis ketika melengkapkan penulisan ini adalah kerana sehingga kini masih belum dapat dibuktikan lagi asal usul sebenar dari mana tarian ini bermula serta penggunaan peralatan cincin dan piring serta alat muzik, gerak tari, pantun dan juga asas pergerakan yang ditarikan dalam tarian piring perlu dibahas dan dikupas selanjutnya. Adalah besar harapan penulis agar buku ini menjadi panduan dan rujukan di kalangan para pengkaji dan budayawan seterusnya sebagai pembuka jalan untuk penelitian seterusnya sehingga Tarian Piring Selangor dapat dimartabatkan sebagai identiti ataupun ikon negeri Selangor.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848594>

History

65 Tahun Muzik Rock Di Malaysia: Dari Rock Proto ke Glam Rock Melayu (1955-1986) / Muhamad Takiyuddin Ismail
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPress), 2023
xxvi, 400p.
Includes Index
9789674882617
65 Tahun Muzik Rock Di Malaysia, Siri 1
\$ 75.00 / PB
1106gm.

Tidak wujudnya keraguan yang rock barangkali merupakan antara muzik popular yang paling berpengaruh di Malaysia. Ia telah menempa epok dan kontroversi tersendiri. Namun sehingga kini, tidak wujudnya satu bacaan berautoriti yang dapat menghamparkan perkembangan yang berlaku dalam babak muzik itu sejak 65 tahun yang lepas. Keterbatasan pemahaman mengenai apa yang dianggap "rock" juga menyebabkan muzik itu hanya difahami sebagai genre yang bermula pada era 1980-an. Buku siri pertama ini merupakan jawapan terhadap persoalan-persoalan di atas. Ia memperincikan kronologi babak rock yang berlaku di peringkat nasional bermula dari era 1950-an

hinggalah permulaan glam rock Melayu pada tahun 1986. Didukung dengan penyelidikan dasar melibatkan temu bual dengan 187 informan dan sekitar 15 ribu sumber arkib, buku ini bukan sahaja cuba menelusuri sejarah rock di Malaysia namun usaha menulis semula sejarah dan memperbetulkan beberapa kekeliruan. Babak, insiden dan aktor yang dilupakan dalam sejarah perdana dibawa semula ke pengetahuan umum untuk didendangkan. Sering kali, terlalu banyak tumpuan diberikan kepada pemuzik, komposer ataupun penulis lirik. Buku ini bagaimanapun melihat rock sebagai sebuah ekosistem. Bermaksud, muzik rock didukung oleh banyak pihak yang memainkan peranan bersepadu dan tidak sekadar berlingkar dalam ruang album atau konsert. Menggunakan pendekatan dokumentari, pembaca akan dibawa masuk ke setiap zaman yang diperkatakan dan membaca sendiri luahan-luahan dari para aktor yang mengambil bahagian. Pembaca tidak hanya membaca mengenai sejarah atau perkembangan babak rock tetapi juga latar politik dan perubahan budaya yang menyelubungi masyarakat Malaysia dari satu era ke satu era. Ditulis dengan pendekatan separa ilmiah dan tidak ketat, buku ini mampu ditekuni dan ditelaah oleh segenap lapisan masyarakat - dari pengikut atau pengamat veteran hinggalah ke generasi milenial. Penggunaan sekitar 255 keping foto, artikel dan dokumen berkaitan turut menambah kesan visual pembaca mengenai sesuatu isu atau episod yang diperkatakan. Bagi peminat muzik umumnya dan peminat rock khususnya, buku ini merupakan dokumentasi komprehensif pertama bagi sebuah genre muzik yang sering menerima perhatian untuk sebab yang betul mahupun untuk sebab yang salah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848595>

Seri Alam – Jurnal Lembaga Muzium Selangor Darul Ehsan, Bil. 6, 2001
Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor, 2001

1v.

ISSN: 0128-7656

\$ 25.00 / PB

358gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848596>

Law

Pensijilan Halal Malaysia: Pemantauan dan Penguatkuasaan / Mohd Amri Abdullah & Zalina Zakaria
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UMPRESS), 2023

xvi, 176p.

Includes Index.

9789674882457

1. Halal food industry – Certification – Malaysia.

2. Product safety (Islamic law) – Malaysia.

\$ 28.00 / PB

284gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848597>

Literature

Salina (Edisi Kenangan 65 Tahun) / A. Samad Said (Sasterawan Negara)

Siri Apresiasi Sasterawan Negara

Malaysia: Nuha Books, 2023

454p.

9789672456520

\$ 25.00 / PB

Novel mengenai seorang perempuan bernama Salina yang didorong kemiskinan untuk mencari kerja sebagai pelayan di Singapura dan Tanah Melayu (Malaysia) pada tahun 50-an. "Salina, kakak bercakap dengan ikhlas, dari hati kecil kakak benar-benar dan kau tau bagi kakak kau sudah seperti adik kakak sendiri, timbangkanlah cakap kakak ini. Ubahlah cara hidup kau. Berikhtiarlah supaya jangan terus-menerus sahaja kau men-jalani kehidupan seperti ini." Salina menceritakan kehidupan masyarakat terutama orang Melayu di Kampung Kambing, Singapura, selepas Perang Dunia Kedua. Novel ini menggambarkan ke-miskinan, keruntuhan moral di kota dan pergelutan untuk melangsungkan survival di tengah-tengah kehancuran kehidupan selepas perang. Pemerintahan Jepun yang singkat di Singapura dan penderitaan masyarakat akibat perang memberi kesan yang cukup kuat dalam diri Samad yang pada masa itu masih anak-anak lagi. Dia mengutip kembali butir-butir pengalaman itu untuk menceritakan keadaan orang Melayu dan orang-orang Indonesia yang hanyut berkelana dan menjadi buruh di Singapura. Ini bukanlah persoalan yang sama sekali asing dalam kesusasteraan Melayu, tetapi Samad telah memperlihatkan kebolehan seninya dengan melukiskan semua hal ini secara artistik melalui dialog-dialog dan tingkah laku watak-wataknya. Manusia yang lahir dalam Salina adalah manusia yang natural dan bukannya yang menjelma sebagai boneka dengan sifat-sifat hitam putihnya. Memang Samad mempunyai kekuatan dalam hal ini kerana ketelitiannya mengamati watak-watak orang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=845262>

Temasya Tinta / A. Samad Ismail
Petaling Jaya: Fixi Retro (Buku Fixi), 2023
348p.
9789670042572
\$ 12.50 / PB
292gm.

Temasya Tinta mula-mula diterbitkan pada 1967 dan mengandungi 11 cerpen mengenai dunia kewartawanan (sebelum perkataan 'media' digunakan). A. Samad Ismail (lebih mesra dikenali sebagai Pak Samad) sangat sinonim dengan akhbar, dan buku ini hanya dapat dihasilkan oleh seorang yang bergelut dengan berita. Kita sendiri dapat menghidu dakwat dan rokok, mendengar ketikan typewriter dan gegaran mesin cetak, dan merasakan peluh di tubuh pemberita yang berhempas pulas di lapangan dan di ruang ofis yang sempit. Tak termasuk berdepan dengan editor garang, politikus beragenda dan persaingan daripada syarikat lain. Sisi nakalnya: Ada wartawan yang bukan sahaja mengejar deadline tetapi mengejar perempuan, wiski dan bir. Sama ada sisi ini benar atau sekadar rekaan: Wallahu-alam!

<http://www.marymartin.com/web?pid=848598>

Sonata / Iqbal Rafiuddin
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn. Bhd., 2023
304p.
9789670042480
\$ 12.50 / PB
252gm.

Selepas bertahun-tahun melarikan diri, Adi Zikri terpaksa berdepan kembali dengan masa lalunya. Sang Maestro, Datuk Latiff Saari yang baru menghembuskan nafas terakhir telah meninggalkan amanat buat tiga anak muridnya. Dia mahu Adi Zikri, Rauf Arman dan Elisa Sarah bergabung di atas pentas untuk satu konsert bersama. Hubungan yang sudah retak bertahun-tahun akibat rasa cemburu dan tersisih

seperti mustahil akan terjalin semula. Adi juga sudah lama melupakan keinginannya bergelar pemuzik terkenal selepas dia merasakan Latiff tidak pernah memberi dia peluang untuk menunjukkan bakatnya.

Rahsia yang tersimpan akhirnya bakal terbongkar jua. Berjayakah Adi melawan kenangan dan masa lalu untuk merealisasikan mimpinya? Adakah perjalanannya akan setenang Le Onde, atau sendu dan berliku seperti Winterreise?

<http://www.marymartin.com/web?pid=848599>

Pembelot / Fatinilam Sari Ahmad
Petaling Jaya: Buku Fixi Sdn. Bhd., 2023
260p.
9789670042442
\$ 12.50 / PB
214gm.

Ketika Zaien diupah untuk menulis biografi Tan Sri Jaffar, bekas Perdana Menteri yang digulingkan beberapa tahun lalu, dia tidak pernah menyangka takdir akan membawanya ke Pulau Lissia. Tapi sebaik tiba di pulau itu, barulah dia tahu yang dia sebenarnya perlu menyelesaikan kerja Sharif, penulis yang diupah oleh Tan Sri Jaffar sebelum ini. Malangnya Sharif menghilangkan diri tanpa sempat menyudahkan manuskrip seperti yang dikehendaki. Tanpa sengaja, Zaien terlibat dalam permainan dendam kesumat antara Tan Sri Jaffar, isterinya Puan Sri Noreena dan pembantu peribadinya, Farida. Ketika satu persatu rahsia hidup Tan Sri Jaffar diketahui Zaien, keinginannya untuk menulis kisah silam lelaki itu semakin membuak- buak walaupun dia diberi amaran untuk tidak berbuat begitu. Sanggupkan Zaien mencagarkan hidupnya demi untuk mencapai cita- citanya bergelar penulis terkenal? Apakah Tan Sri Jaffar akan membiarkan saja dia menjadi pembelot?

<http://www.marymartin.com/web?pid=848600>

Abang Pam Minyak / Cici Aida
Special Edition
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2021
1v.
9789672809111
\$ 17.50 / PB

"Hubungan kita dah lama berakhir. Abang tak menyesal tinggalkan awak terlebih dulu dari hati abang terus terluka." AFGHAN Kenyataan datang menimpa, apabila lelaki yang ku tunggu bertahun-tahun untuk halalkan hubungan kami, melabel aku sebagai perempuan yang tiada masa depan. Bohong tak menangis, tapi aku pasrah dilukai lebih awal dari terus menjadi habuan lelaki curang. Ya, dia curang! "Nak jadi girlfriend saya kena sanggup patah hati dua tiga kali dulu. Saya ni banyak peminat sebab ada brand SHELL." ADHIL Ego? Cuma takut pada cinta palsu kembali melukai lagi. Hati sentiasa berhati-hati dalam memilih. Nilai cinta bukan seperti beli baju di pasar malam. "Saya tak kan pilih 'orang minyak' jadi boyfriend. Apa lagi jadi bakal calon suami saya. Senang cakap, nanti tak ada masa depan. Jadi tak payahlah awak nak try usha saya lagi." DINDA Dari penampilan dia, cara bercakap sampailah kenderaan dua roda yang di guna setiap hari datang kerja. Sungguh aku tak berkenan. Ada gosip mengatakan dia cucu jutawan. Serius aku tak percaya. Paling tak logik, cucu jutawan kerjanya di stesyen minyak? Apa kelas! "Orang kerja macam tu tak ada masa depanlah. Sampai tualah kau tak mampu nak rasa pergi bercuti tempat best-best." MAK SU Mulut puaka! Itu gelaran yang along bagi pada mak cik sendiri. Bercakap langsung tak pandai nak jaga perasaan orang. Kata along, yang nak kahwin aku, nak hidup aku. Bila hati dah ikhlas menerima, jangan pandang kekurangan orang. Kata mak pula, biar bakal menantunya gelap asal manis orangnya. Tak senang tak apa, janji baik dan pandai berdikari. "30 ribu serba satu. Cukup bulan nikah." ATOK Tubuh jadi beku tiba-tiba. Hantaran ala-ala diva di tetapkan si datok untuk anak dara Puan Maya. Sungguh aku ternganga. "Saya cuma ada satu hati.

Untuk awak, untuk awak dan untuk awak. Saya tak minta lebih, cukuplah awak terima baik buruk saya untuk kita bina hubungan ni." ADHIL

<http://www.marymartin.com/web?pid=792142>

Rizal Huzairi: Hero Kampung Teruna Idaman / Norshiemah Md Yasan
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.

9789672809128

\$ 12.50 / PB

Book Details:

Rizal Huzairi a.k.a Ejal hidupnya mula tunggang-langgang apabila Leman Gebang pulang semula ke kampung. Hatinya bagai ditikam bertubi-tubi apabila Leman Gebang dengan bangga mahu masuk memiming Shida, tunangnya yang paling dia sayang dan cinta. "Apa yang aku dengar, Leman sekarang dah kaya. Mak aku selaku juara wartawan kampung mengatakan yang Leman balik kampung bawa kereta BMW. Dia dah kaya...." PIYEN Macam mana Ejal tidak keruan kalau tunang sendiri kena usya dengan musuh ketat. Leman Gebang ada kereta BMW, dia apa ada. Risau juga kalau Shida berpaling cinta. Namun itu tidak memberi ruang untuk Ejal mengalah. Untungnya dia Shida langsung tidak layan kerenah Leman Gebang. Cinta Shida buat Ejal seorang. Akan tetapi, hati Shida pun terumbang-ambing juga apabila Hasniza pula yang suka dengan Ejal. Walhal, semasa sekolah Hasniza bukan main benci lagi. Bila Ejal sudah jadi tauke sos cap Pokok Kelapa, masa itu baru terhegeh-hegeh. Kemudian, masing-masing mula sepakat. "Shida takkan terima abang Leman tu. Abang percayalah cakap Shida. Abang sepuluh kali lagi hebat daripada dia. Abang, masih ramai lagi anak dara kampung ni yang boleh dia tackle. Ha, susah sangat kita 'lagakan' dia dengan Hasniza tu," - SHIDA Semakin kuat cinta Ejal terhadap Shida, semakin kerap dia diganggu Hasniza. "Tapi Niza yang nampak dulu, kan? Itu tanda kita kena kahwin," - HASNIZA Ejal tersekat kepada cinta Shida dan Hasniza. Susah betul jadi hero kampung ni. Hai, macam mana Ejal mahu melepaskan diri daripada Leman Gebang dan Hasniza? Apakah cinta Shida pula yang berpaling tadah? Agaknya, siapa jodoh Ejal?

<http://www.marymartin.com/web?pid=792143>

Johan: Abang Sado Takut Bini? / Arena Yidin
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.

9789672809135

\$ 12.50 / PB

"Tak ada lelaki dalam dunia ni yang takut bini. Cuma itu cara diorang menghargai dan menghormati pasangan. Itulah yang abang lakukan. Kalau orang lain tersalah tafsir, apa boleh buat..." JOHAN. Hayati sakit hati gara-gara menjadi umpatan jiran tetangga. Puncanya hanya satu dari secebis kisah rumah tangganya. Johan yang hilang pekerjaan menawarkan diri untuk membantu menguruskan rumah tangga namun menjadi bualan mak cik bawang pula. "Kenapa abang biarkan semuanya? Hati Yati sakit bila diorang mengumpat kita. Abang ni hati kayu ke apa? Tak ada perasaan?" HAYATI Johan tidak ambil pusing. Dia malas hendak melayan. Baginya itu semua asam garam kehidupan. Yang penting dia sayang pada Hayati dan keluarga kecilnya. Sudahnya satu hati sudah terluka. Hayati ingin mengakhiri semuanya. Barulah Johan sedar yang dia juga sepatutnya bersama menepis setiap badai rumah tangga. Gelaran 'Johan takut bini' tidak sepatutnya ada dalam rumah tangga mereka. Dalam tekad untuk memujuk, dia kehilangan separuh nyawanya. Mampukah Johan hidup sendirian? Akan pulangkah Hayati di pangkuan? Hanya masa menentukan segalanya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=792144>

Rayyan: Seiring Takdir Tuhan / Dalila Zamri
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.
9789672809142
\$ 17.50 / PB

Rayyan, Alia dan Joshua. 3 nama yang terikat dalam tali persahabatan. Dari usia kanak-kanak yang hanya memikirkan keseronokan, sehinggalah memahami makna kehidupan, mereka harunginya bersama dengan penuh erti kematangan. "Awak nak saya buat macam mana? Keluarga saya tak boleh nak bagi restu lagi. Awak ingat saya suka-suka nak mainkan perasaan awak. Bagilah saya masa." –Joshua Terjebak dalam percintaan yang tidak mampu dielakkan membuatkan hati Alia terluka. Desakan ayah yang tidak mahu memberikan restu dan bonda Joshua yang tidak rela anaknya bertukar agama membuatkan Alia terpaksa memberi kata dua. Rayyan yang sekian lama mencintai Alia rasa dikhianati lalu pergi membawa diri bersama alasan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. "Marriage is all about life-long commitments, spiritual union, acceptance, tolerance and when two become one, the bond is like no other. It's not about just an intense romance. Kalau kita tenggelam dalam evolusi perasaan, lama-lama rasa itu akan cepat pudar."-Atikah "Kata Ibnu Qayyim, cinta akan hilang bersama hilangnya sebab. Maka, cintailah seseorang kerana agamanya. Nescaya, semakin tinggi agamanya, semakin bersemarak cinta terhadapnya. Cinta yang sebenar-benarnya cinta, datang sendiri tanpa dipaksa-paksa. Datang pada waktu diri kita sudah betul-betul bersedia. Nak berkongsi rasa. Nak bertanggungjawab dengan perasaan kita. Paling utama, pada aku, cinta juga adalah mengharapkan seseorang yang kita cintai menjadi milik kita. Mencintai dan dicintai"- Rayyan "Rayyan, kalau aku berikan kau peluang untuk kita saling membahagiakan, kau setuju?"-Alia Alia tahu Rayyan yang dahulu pasti tidak sama dengan yang sekarang. Dia pernah bertunang sebelum bertemu kembali dengan Alia. Namun apakah masih ada sisa cinta di hati Rayyan untuk dicurahkan kepadanya? Kali ini dia pasti, biar apapun yang jadi, dia percaya segalanya berlaku SEIRING TAKDIR TUHAN.

<http://www.marymartin.com/web?pid=792145>

Isteri Praktikal Tengku Qaiser / Danisarahmat
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.
9789672809159
\$ 15.00 / PB

Book Details:

Benarlah cinta sesama manusia itu tidak akan kekal. Terlalu cintakan Amanda membuatkan Qaiser buta dalam menilai sebuah kesetiaan. Amanda tidak mahu melahirkan zuriat keturunan untuk Qaiser menyebabkan lelaki itu tersepit antara kemahuan Amanda dan juga keinginan bondanya. Lampu hijau diberikan Amanda untuk Qaiser menikah lain selama dia berada di Itali. Peluang seumpama bulan jatuh ke riba itu tidak disia-siakan Qaiser. Siapa pilihan calon isteri barunya? Azra, studen praktikal di Rajawali Sdn. Bhd itu dipilih sebagai calon isteri Qaiser. Sebabnya Azra menjadi pilihan Engku Naemah bonda Qaiser. Wanita itu terpikat dengan adab dan tingkah laku Azra yang sopan itu.

Dalam hidup Azra, tak ada maknanya menjadi perampas kebahagiaan rumah tangga orang lain walau lelaki itu jutawan sekalipun. Tetapi apakan daya, kerana terlalu sayangkan abang kandung nan seorang iaitu Mikael, Azra terpaksa ikutkan.

Bagi Mikael, ada dendam yang tersimpan buat Amanda. Azra dijadikan buah catur untuk menghancurkan rumah tangga Amanda.

Tercapailah hasrat Mikael itu dan adakah Azra akan peroleh bahagia seandainya dia hanya isteri pengganti buat Tengku Qaiser?

<http://www.marymartin.com/web?pid=848002>

Kompilasi D Ladies: Deena/Daneen / Cici Aida & Danisarahmat
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.

9789672809166

\$ 15.00 / PB

<http://www.marymartin.com/web?pid=848004>

Kompilasi D Ladies: Dinara/Darifa / Azimah Lily & Fazila Adam
Seremban, Negeri Sembilan: ILHAM Santai Enterprise, 2022

1v.

9789672809173

\$ 15.00 / PB

<http://www.marymartin.com/web?pid=848005>

Politics/Current Affairs

Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi / Anwar Ibrahim
Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd. & The Centre for Postnormal Policy and Future Studies,
2022

188p.

9789672066439

\$ 30.00 / PB

428gm.

Kerangka MADANI merupakan suatu ikhtiar yang bersepadu dan holistik: kesemua enam komponennya tidak berfungsi secara berasingan; ada kesalinghubungan yang rapat antara setiap komponen, sementara ketergantungan mereka antara satu sama lain menjadikan segala dasar yang digubal menjadi lebih manusiawi, yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat. Justeru secara koletifnya, kerangka ini akan meletakkan asas untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum. Anjakan demi anjakan yang berlaku begitu pantas memaksa kita untuk mengambil kira keadaan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah. Namun kita tidak akan bermula dengan sifar. Sejarah Malaysia yang panjang dan kaya menjadi landasan utama, dan daripadanya kita belajar memperbetul kesilapan serta membuka jalan menuju kejayaan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=843676>

Rukun Negara Malaysia / Arkib Negara Malaysia
Second Edition

Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2019

36p.

9789679121780

\$ 10.00 / PB

84gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848601>

Sociology

Persoalan Mustahak: Ruang, Seni, Budaya, Bahasa, Agama Sebagai Pertunjukan / Benz Ali
Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise, 2023

x, 186p.
9789670076133
\$ 18.00 / PB
186gm.

"...budak nakal yang berbakat untuk jadi pengarang besar, membawa fikiran-fikiran berani, hingga orang 68 tahun seperti saya pun jadi segar membaca pengakuan-pengakuannya yang bersahaja, berkata benar tentang dirinya tanpa peduli apa orang nak fikir. Kisah-kisah kelemahan dan 'kebodohan' diri pun dicerita dengan bersahaja. Segala-galanya adalah advencer yang sangat bermakna buat seorang yang sedang 'menjadi' dirinya. Tahniah Benz.," (2018)

"..Benz Ali seorang anak muda yang sangat dinamik dan memperlihatkan dirinya sebagai pemikir dengan pandangan-pandangan segar yang saya rasa perlu diperhatikan.

Kebetulan saya mengenalinya sejak dia sedang belajar untuk menjadi penulis dan pemikir.

Mengikuti bengkel penulisan anjuran CAP-PAKSI di Titihayun, Sik, Kedah, Mei 2011. Kemudian bersama aktiviti-aktiviti seni-budaya PAKSI. Dan kemudian berpisah untuk bebas berkarya dan membina keperibadian sendiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=848603>
